

# Tak habis dilanda banjir

Oleh ROSLI HASSAN  
rosli@kosmo.com.my

MELAKA – “Setiap kali hujan lebat, rumah mak cik mesti dilanda banjir.”

Itulah luahan, Mara Baba, 52, yang mendakwa tidak lagi tahan kerana rumahnya di Kampung Tun Abdul Razak, Bukit Katil, di sini, kerap dilanda banjir.

Menurut Mara, banjir semakin kerap berlaku sejak enam tahun lalu setelah kawasan belakang rumahnya ditambak bagi memberi laluan kepada pembinaan taman perumahan baru namun projek itu terbengkalai hingga kini.

Selepas ditambak, katanya, taman itu telah menjadi lebih tinggi berbanding tanah di kawasan sekitar rumahnya.

“Sebab itulah setiap kali hujan, air mesti mengalir ke kawasan ini.

“Baru 30 minit hujan hari ini, rumah mak cik dah dinaiki air,” katanya ketika ditemui *KOSMO!* di rumahnya semalam.

Selain rumah Mara, kira-kira lima buah rumah lain di Jalan Kilang dan Jalan Damai, kampung yang sama turut dilanda banjir kilat selepas

hujan lebat.

Tinjauan *KOSMO!* juga mendapati kebanyakan rumah yang dilanda banjir telah ditinggikan kira-kira satu meter bagi mengelak rumah dinaiki air tetapi usaha itu tetap tidak dapat menyelesaikan masalah.

Seorang lagi mangsa banjir, Jaafar Abdullah berkata, parit yang terlalu kecil di sekitar rumahnya juga merupakan salah satu sebab mengapa kawasan berkenaan sering dilanda banjir.

“Parit yang terlalu kecil tidak dapat menampung air hujan yang banyak.

“Harap pihak berkuasa dapat membesarkan longkang-longkang di sini bagi mengelakkan banjir daripada berulang,” katanya.

Menurutnya, rumahnya telah dinaiki air sebanyak tiga kali dalam tahun ini iaitu pada Mei dan Oktober lalu serta pada kejadian terbaru semalam.

Mangsa banjir, Mohd. Nizam Ahmad, 47, berkata, beliau telah membelanjakan kira-kira RM50,000 untuk meninggikan rumahnya.

“Walau pun saya dah tinggikan rumah, air tetap boleh masuk rumah setiap kali hujan lebat,” katanya.



SEBAHAGIAN penduduk menyelamatkan barang-barang daripada ditenggelami air akibat banjir kilat di Kampung Tun Razak, Bukit Katil, Melaka.